




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021

Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922)



KANDUNGAN

Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/1)	1 – 3
Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/2)	5 – 7
Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/3)	9 – 11

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 5 900 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 70.34% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.92	6.92	9.08	12.19	11.08	14.69	7.46	9.42	5.76	6.56	7.92

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah mengemukakan pendahuluan, isi, dan penutup; mengemukakan fakta, huraian, dan contoh pada bahagian isi; dan menguasai petikan puisi dan prosa. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah fakta yang dikemukakan terhad dan berulang-ulang dalam konteks yang sama; huraian yang memerlukan hujahan diabaikan; contoh berdasarkan petikan puisi tidak disertakan; contoh tidak bersandar pada petikan prosa; dan tidak menguasai teks kajian. Soalan bahagian A tentang puisi. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 1 yang berkaitan syair berbanding dengan soalan 2 yang berkaitan sajak. Soalan bahagian B pula tentang prosa tradisional. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 4 yang berkaitan karya cerita rakyat berbanding dengan soalan 3 yang berkaitan karya epik. Soalan bahagian C tentang puisi moden. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 6 yang berkaitan drama berbanding dengan soalan 5 yang berkaitan cerpen. Kecenderungan calon memilih soalan dalam bahagian tidak menentukan mutu jawapan calon. Didapati mutu jawapan calon adalah tidak konsisten mengikut bahagian. Sekiranya mutu jawapan calon adalah baik pada bahagian A, tidak semestinya mutu jawapan calon juga adalah baik pada bahagian B dan/ atau bahagian C. Begitulah sebaliknya.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Puisi*

Soalan 1

Soalan ini berdasarkan “Syair Ikan Terubuk” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan aspek estetik yang terdapat dalam syair tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep aspek estetik. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon mengemukakan unsur gaya bahasa semata-mata sedangkan gaya bahasa merupakan antara aspek estetik. Didapati jawapan calon turut memberi penekanan terhadap unsur asonansi dan aliterasi. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti gaya bahasa, bentuk, pemikiran, rima akhir, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pemikiran masyarakat Melayu yang terdapat dalam syair tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pemikiran. Secara

keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya dua fakta dan huraian tentang pemikiran masyarakat Melayu berdasarkan syair tersebut dengan tepat. Walau bagaimanapun, didapati ada calon tidak mengambil contoh berdasarkan mana-mana baris atau rangkap syair. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah keluasan rahmat Allah, kecantikan golongan raja/bangsawan, kepercayaan kepada puaka, cinta/kasih/sayang, dan sebagainya.

Soalan 2

Soalan ini berdasarkan sajak “Pahlawan lalah Dia” karya Abdul Ghafar Ibrahim yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan pesanan penyajak yang boleh dijadikan pedoman hidup berdasarkan sajak tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pesanan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya dua hingga tiga fakta dan huraian tentang pesanan penyajak berdasarkan sajak tersebut dengan tepat. Walau bagaimanapun, didapati ada calon tidak mengambil contoh berdasarkan mana-mana baris atau rangkap sajak. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah tema sajak dan isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah berkorban demi negara, kesetiaan kepada tanah air, bersiap siaga, tabah menanggung penderitaan, dan sebagainya. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

BAHAGIAN B: *Prosa Tradisional*

Soalan 3

Soalan ini berdasarkan petikan teks “Hikayat Hang Tuah (Bab VII)” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tempat dan majlis peristiwa berdasarkan petikan tersebut. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Didapati calon dapat mengemukakan istana Majapahit dan majlis perkahwinan sebagai jawapan.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan mengapa Hang Tuah bertukar keris dengan Taming Sari. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan jawapan calon mengandungi fakta dan huraian yang sederhana. Walau bagaimanapun, didapati ada calon mengemukakan jawapan tidak bersandarkan petikan tetapi berdasarkan keseluruhan teks. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah Hang Tuah menyatakan keris Taming Sari tidak kukuh dan tajam manakala Taming Sari menyatakan keris pendua Hang Tuah kukuh dan tajam. Selain itu, menerusi pertarungan biasa Hang Tuah tidak dapat membunuh Taming Sari kerana senjata yang digunakan Hang Tuah tidak lut dan tidak dapat memberikan kecederaan pada Taming Sari.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan perwatakan Hang Tuah berdasarkan petikan yang diberikan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya dua hingga tiga fakta dan huraian tentang perwatakan Hang Tuah dengan tepat. Walau bagaimanapun, didapati ada calon tidak mengambil contoh dengan memetik mana-mana baris atau ayat berdasarkan petikan teks. Ada calon mengemukakan perwatakan Hang Tuah tidak bersandarkan petikan yang diberikan tetapi berdasarkan keseluruhan teks. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah bijaksana, penuh helah, berani, bersemangat tinggi, dan sebagainya.

Soalan 4

Soalan ini berdasarkan petikan “Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan (a) menghendaki calon memilih watak yang

terdapat dalam petikan tersebut dan menghuraikan perwatakan masing-masing. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep perwatakan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta watak, seperti Tuan Syeikh Alam di-Rimba, raksasa, kijang, harimau, dan badak sebagai jawapan. Walau bagaimanapun, didapati ada calon tidak memberikan huraian perwatakan termasuk contoh bersandarkan petikan yang diberikan, sebaliknya berdasarkan keseluruhan teks. Ada juga calon dapat memberikan huraian yang baik tetapi tidak mengemukakan contoh dengan memetik mana-mana baris atau ayat berdasarkan petikan yang diberikan. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Antara jawapan perwatakan yang sepatutnya, termasuklah Tuan Syeikh Alam di-Rimba dihormati, raksasa berbadan besar, kijang tidak tamak, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pengajaran yang terdapat dalam petikan yang diberikan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya dua fakta dan huraian tentang pengajaran dengan tepat. Walau bagaimanapun, didapati ada calon tidak mengambil contoh dengan memetik mana-mana baris atau ayat berdasarkan petikan teks. Ada calon mengemukakan pengajaran tidak bersandarkan petikan yang diberikan tetapi berdasarkan keseluruhan teks. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah hendaklah bermuafakat, janganlah menganiaya orang lain, janganlah suka berbuat fitnah, dan sebagainya

BAHAGIAN C: Prosa Moden

Soalan 5

Soalan ini berdasarkan cerpen “Di Sebalik Sirat Makna” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan persoalan yang ingin dikemukakan oleh pengarang melalui cerpen tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep persoalan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon dapat mengemukakan satu hingga dua fakta, huraian, dan contoh tentang persoalan berdasarkan teks tersebut dengan tepat. Walaupun calon menguasai teks tersebut, namun jawapan mereka didapati tidak memberi penekanan terhadap persoalan, sebaliknya ada pelbagai variasi jawapan calon termasuklah berkaitan dengan pengajaran atau mesej. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep persoalan, sinopsis cerpen, dan isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah penghormatan terhadap jasa guru, konflik dalam kalangan guru, kemerosotan disiplin, perbezaan pendapat, dan sebagainya. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 6

Soalan ini berdasarkan drama “Asiah Samiah” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan pernyataan bahawa dalam drama tersebut ada memaparkan perbezaan pandangan tentang perkahwinan. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep perkahwinan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon dapat mengemukakan satu hingga dua fakta tentang perbezaan pandangan tentang perkahwinan tersebut dengan tepat. Walaupun calon berupaya mengemukakan huraian tentang pandangan terhadap perkahwinan, namun mereka tidak mengemukakan pandangan yang berbeza. Jawapan calon didapati memberi penekanan terhadap satu pandangan semata-mata. Pandangan berbeza atau kedua tidak diterangkan. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep perkahwinan, sinopsis drama, dan isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang dikehendaki, termasuklah percintaan, jodoh, kebahagiaan, harta, darjat, dan sebagainya. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 5 752 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 47.06% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.20	2.85	3.76	5.06	10.08	9.84	10.27	11.11	9.46	8.66	23.71

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah fakta, huraian, dan contoh yang baik; akur dengan kehendak tugas soalannya; kemahiran berfikir dan berhujah yang baik; dan huraian yang dikemukakan ada dihubungkan secara jelas dengan aspek pembangunan sama ada pembangunan insan, masyarakat, dan negara. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah perancangan terhadap struktur jawapan tidak dibuat; tugas soalannya dan konsep sastera tidak dikuasai; penguasaan terhadap teks *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*) dan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* terbatas; dan struktur ayat atau bahasa yang digunakan tidak jelas serta tidak gramatis. Soalan bahagian A tentang pembangunan insan. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 1 yang berkaitan jati diri berbanding dengan soalan 2 yang berkaitan nilai Islam. Soalan bahagian B pula tentang pembangunan masyarakat. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 4 yang berkaitan pendidikan berbanding dengan soalan 3 yang berkaitan mobiliti sosial. Soalan bahagian C tentang pembangunan negara. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 6 yang berkaitan ekonomi berbanding dengan soalan 5 yang berkaitan kepemimpinan. Kecenderungan calon memilih soalan dalam bahagian tidak menentukan mutu jawapan calon. Didapati mutu jawapan calon adalah tidak konsisten mengikut bahagian. Sekiranya mutu jawapan calon adalah baik pada bahagian A, tidak semestinya mutu jawapan calon juga adalah baik pada bahagian B dan/atau bahagian C. Begitulah sebaliknya.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Pembangunan Insan

Soalan 1

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*). Soalan ini menghendaki calon membincangkan pernyataan bahawa jati diri melahirkan insan yang disanjung tinggi. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep jati diri. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang jati diri yang terdapat dalam teks tersebut yang melahirkan insan yang disanjung tinggi dalam konteks pembangunan insan dengan tepat. Walau bagaimanapun, didapati ada calon yang tidak menghubungkan jati diri dengan pembangunan insan. Ada calon yang tidak dapat membezakan antara konsep jati diri dengan nilai kemanusiaan. Ada juga calon yang dapat mengemukakan fakta

berkaitan jati diri tetapi fakta tersebut merupakan fakta berulang kerana berada dalam konteks yang sama. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep jati diri dan isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah bijak, amanah, adil, berwawasan, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan hendaklah dikaitkan dengan pembangunan insan. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 2

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan nilai Islam dalam konteks pembangunan insan berdasarkan novel tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep nilai Islam. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang nilai Islam yang terdapat dalam novel tersebut dalam konteks pembangunan insan dengan tepat. Walau bagaimanapun, didapati ada calon yang tidak menghubungkaitkan nilai Islam dengan pembangunan insan. Ada calon yang tidak dapat membezakan antara konsep nilai Islam dengan kehidupan beragama. Hal ini dapat dilihat pada jawapan calon yang bercampur aduk fakta antara nilai Islam dan kehidupan beragama. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep nilai Islam dan isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah beriman, bertaubat, bersyukur, tawaduk, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan hendaklah dikaitkan dengan pembangunan insan. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

BAHAGIAN B: *Pembangunan Masyarakat*

Soalan 3

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan mobiliti sosial dalam konteks pembangunan masyarakat seperti yang terdapat dalam teks tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep mobiliti sosial. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang mobiliti sosial berdasarkan teks tersebut. Didapati jawapan calon tidak memberi penekanan terhadap konteks pembangunan masyarakat. Ada calon yang mengemukakan fakta yang umum. Hal ini dapat dilihat pada jawapan calon yang tidak menguasai konsep mobiliti sosial. Ada calon yang mengemukakan huraian yang tidak jelas dan tidak bersandarkan fakta tetapi menjurus kepada sinopsis cerita. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep mobiliti sosial dan isi penting yang hendak dihuraikan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah hamba kepada rakyat, rakyat kepada bangsawan, bangsawan kepada diraja, bangsawan kepada bangsawan, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan hendaklah dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 4

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepentingan pendidikan berteraskan agama dalam konteks pembangunan masyarakat seperti yang terdapat dalam novel tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pendidikan berteraskan agama. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang kepentingan

pendidikan berteraskan agama berdasarkan novel tersebut. Walau bagaimanapun, didapati jawapan calon kurang memberi penekanan terhadap konteks pembangunan masyarakat. Ada calon yang tidak dapat membezakan antara konsep pendidikan berteraskan agama dengan pendidikan secara umum.

Hal ini dapat dilihat pada jawapan calon yang bercampur aduk fakta antara kepentingan pendidikan berteraskan agama dan kepentingan pendidikan secara umum. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep pendidikan berteraskan agama dan isi penting yang hendak dihuraikan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah melahirkan masyarakat beragama, membentuk masyarakat berakhlak mulia, melahirkan masyarakat bertakwa, melahirkan masyarakat yang patuh kepada ajaran agama Islam, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan hendaklah dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

BAHAGIAN C: *Pembangunan Negara*

Soalan 5

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepemimpinan raja Melaka dalam membangunkan Melaka seperti yang terdapat dalam teks tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep kepemimpinan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang kepemimpinan raja Melaka berdasarkan teks tersebut. Walau bagaimanapun, didapati jawapan calon kurang memberi penekanan terhadap konteks pembangunan negara kota Melaka. Ada calon yang mengemukakan fakta perwatakan raja Melaka dan bukannya kepemimpinan raja Melaka yang tergambar dalam teks tersebut. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep kepemimpinan, senarai raja Melaka, seperti Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, dan sebagainya dan isi penting yang hendak dihuraikan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah berpandangan jauh, cekap, berkarisma, tegas, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan hendaklah dikaitkan dengan pembangunan negara kota Melaka. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 6

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan aktiviti ekonomi yang diceburi oleh usahawan dalam usaha membangunkan negara berdasarkan novel tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep ekonomi. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang aktiviti ekonomi yang diceburi oleh usahawan berdasarkan novel tersebut. Walau bagaimanapun, didapati jawapan calon kurang memberi penekanan terhadap konteks pembangunan negara. Ada calon membincangkan aktiviti ekonomi yang sepatutnya mereka huraikan sahaja. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep ekonomi dan isi penting yang hendak dihuraikan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah import dan eksport, penanaman orkid, mengusahakan kilang papan, melombong bijih timah, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan hendaklah dikaitkan dengan pembangunan negara. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 6004 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 66.60% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	17.18	4.92	7.92	5.68	9.35	13.10	11.39	9.12	6.47	5.25	9.62

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah puisi dan prosa yang dihasilkan adalah berkualiti serta menepati ciri-ciri penghasilannya; jawapan yang terdiri daripada pendahuluan, isi, dan penutup; dan fakta, huraian, dan contoh yang dikemukakan tersusun serta dihubungkan dengan jelas. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah jawapan yang dikemukakan tidak berstruktur dan tidak terancang; fakta dan huraian yang dikemukakan bercampur aduk; konsep/istilah sastera tertentu tidak dikuasai; struktur ayat/bahasa yang tidak jelas dan tidak gramatis; dan contoh yang dikemukakan tidak tepat berdasarkan karya sastera. Soalan bahagian A tentang penulisan kreatif. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 1 yang berkaitan penghasilan sajak berbanding dengan soalan 2 yang berkaitan penghasilan cerpen. Soalan bahagian B pula tentang pengurusan. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 4 yang berkaitan pengurusan dalam organisasi sastera berbanding dengan soalan 3 yang berkaitan pengurusan dalam organisasi yang wujud dalam novel. Soalan bahagian C tentang multimedia dalam sastera. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 6 yang berkaitan prinsip asas multimedia dalam karya sastera berbanding dengan soalan 5 yang berkaitan kelebihan karya sastera yang dimultimediakan. Kecenderungan calon memilih soalan dalam bahagian tidak menentukan mutu jawapan calon. Didapati mutu jawapan calon adalah tidak konsisten mengikut bahagian. Sekiranya mutu jawapan calon adalah baik pada bahagian A, tidak semestinya mutu jawapan calon juga adalah baik pada bahagian B dan/atau bahagian C. Begitulah sebaliknya.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Penulisan Kreatif*

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah sajak tentang keindahan alam berdasarkan gambar. Sajak yang dihasilkan oleh calon hendaklah antara 30 hingga 40 baris. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep keindahan alam berdasarkan gambar yang diberikan. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon berupaya menghasilkan sajak dengan baik. Hal ini disebabkan sajak yang dihasilkan oleh calon mempunyai judul, ada kesinambungan idea, pemikiran yang berbeza pada setiap rangkap, gaya bahasa yang berbeza, dan teknik penulisan yang baik. Antara kekuatan jawapan calon ialah mereka dapat menghasilkan sajak dengan baik berdasarkan gambar yang disertakan sebagai rangsangan. Aspek persoalan yang dikemukakan oleh mereka juga menarik, jelas, dan berkesan.

Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang mereka peroleh. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah sajak yang mereka hasilkan tidak menepati tema dan pemilihan diksi yang kurang tepat serta kurang nilai estetik. Hal sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah cerpen yang menarik yang bertemakan kepimpinan. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep kepimpinan. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon berupaya menghasilkan cerpen dengan baik. Hal ini disebabkan cerpen yang dihasilkan oleh calon mempunyai judul, tema, persoalan, plot, watak dan perwatakan, sudut pandangan, gaya bahasa yang berbeza, teknik yang baik, dan latar yang berkesan. Antara kekuatan jawapan calon ialah mereka dapat menghasilkan cerpen dengan baik kerana mereka menguasai konsep kepimpinan. Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang mereka peroleh. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah cerpen yang mereka hasilkan tidak menarik kerana aspek estetik dan kreativiti tidak menyerlah serta ciri-ciri penghasilannya diabaikan. Hal sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

BAHAGIAN B: Pengurusan

Soalan 3

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan tenaga kerja yang menepati kehendak organisasi yang wujud dalam novel tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep tenaga kerja (*staffing*). Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat menyatakan konsep tenaga kerja dan mengemukakan sekurang-kurangnya dua hingga tiga fakta tentang tenaga kerja berdasarkan novel tersebut dengan tepat. Didapati huraian yang dikemukakan oleh mereka berdasarkan fakta adalah baik. Contoh yang dipetik berdasarkan novel tersebut juga tepat. Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang mereka peroleh. Walau bagaimanapun, didapati ada calon menjurus kepada penjelasan tentang tenaga kerja secara umum dan berulang-ulang. Seterusnya, didapati ada juga calon yang mengemukakan huraian yang tidak berdasarkan fakta dan contoh yang tidak tepat. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Calon sepatutnya merangka jawapan yang terdiri daripada pendahuluan, isi, dan penutup.

Calon juga sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep tenaga kerja dan isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah kecekapan, kemahiran, pengalaman, keterampilan, dan sebagainya. Contoh yang dikemukakan oleh calon sepatutnya dipetik berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 4

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa calon ditugaskan untuk mengurus Kursus Penulisan Kreatif bagi pelajar Tingkatan Enam. Soalan ini menghendaki calon membincangkan perancangan yang perlu dilakukan untuk memastikan kursus tersebut berjalan lancar. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep perancangan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat menyatakan konsep perancangan dan mengemukakan sekurang-kurangnya dua hingga tiga fakta tentang perancangan dengan tepat. Didapati huraian yang dikemukakan oleh mereka berdasarkan fakta adalah baik. Contoh yang digunakan berdasarkan kursus tersebut juga tepat. Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang mereka peroleh. Walau bagaimanapun, didapati ada calon menjurus kepada penjelasan tentang perancangan untuk mengurus kursus tersebut secara tidak jelas. Seterusnya, didapati ada juga calon yang mengemukakan huraian yang tidak berdasarkan fakta dan contoh yang tidak tepat. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya merangka jawapan yang terdiri daripada pendahuluan, isi, dan penutup. Calon juga sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep perancangan dan isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah merangka matlamat, menetapkan matlamat, menjangkakan risiko, mewujudkan alternatif, dan sebagainya. Contoh yang dikemukakan oleh calon sepatutnya berdasarkan Kursus Penulisan Kreatif. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

BAHAGIAN C: Multimedia dalam Sastera

Soalan 5

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kelebihan episod “Meminang Puteri Gunung Ledang” yang terdapat dalam teks tersebut yang dimultimediakan. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep multimedia dalam sastera. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat menyatakan konsep multimedia dalam sastera dan mengemukakan sekurang-kurangnya dua hingga tiga fakta tentang kelebihan episod tersebut yang dimultimediakan dengan tepat. Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang mereka peroleh. Walau bagaimanapun, didapati ada calon tidak memberikan contoh yang spesifik berdasarkan episod tersebut yang selari dengan fakta dan huraian. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya merangka jawapan yang terdiri daripada pendahuluan, isi, dan penutup. Calon juga sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep multimedia dalam sastera dan isi penting yang hendak dihuraikan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah memudahkan kefahaman khalayak terhadap cerita, merangsang daya fikir khalayak melalui gaya bahasa yang digunakan, menarik perhatian khalayak untuk menghayati pemikiran, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan oleh calon sepatutnya mengandungi elemen sastera. Calon juga sepatutnya mengemukakan contoh berdasarkan episod “Meminang Puteri Gunung Ledang”. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 6

Soalan ini berdasarkan cerpen “Anak-anak yang Bergelimpangan” seperti yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan prinsip asas multimedia dalam sastera yang perlu diaplikasikan untuk menghasilkan persembahan multimedia berdasarkan cerpen tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep multimedia dalam sastera. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat menyatakan konsep multimedia dalam sastera dan mengemukakan sekurang-kurangnya dua hingga tiga fakta tentang prinsip asas multimedia dalam sastera yang perlu diaplikasikan dengan tepat. Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang mereka peroleh. Walau bagaimanapun, didapati ada calon yang mengemukakan huraian yang menjurus kepada elemen multimedia semata-mata dan mengabaikan elemen sastera. Didapati ada juga calon menjurus kepada prinsip asas multimedia dan mengabaikan contoh yang sepatutnya dipetik berdasarkan cerpen tersebut. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya merangka jawapan yang terdiri daripada pendahuluan, isi, dan penutup. Calon juga sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep multimedia dalam sastera dan isi penting yang hendak dihuraikan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah teks, grafik, animasi, dan audio-visual. Huraian yang dikemukakan oleh calon sepatutnya mengandungi elemen sastera. Calon juga sepatutnya mengemukakan contoh berdasarkan cerpen “Anak-anak yang Bergelimpangan”. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021



SASBADI SDN. BHD. 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com E-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my